

16/12/2003

Norashikin pentingkan pendidikan anak

Fadzlena Jafar

TIADA yang lebih membanggakan bagi seorang ibu jika anak yang dilahirkan menjadi insan berjaya apabila besar kelak. Perjalanan yang bakal dilalui dalam membesarkan anak itu tidak semudah seperti generasi lalu. Kini, pelbagai cabaran perlu dihadapi ibu bapa terutama dari segi pendidikan dan sosiobudaya yang banyak berubah.

Sebab itulah penyampai berita RTM, Norashikin Abd Rahman dan suaminya, Mustapha Kamal Halim mementingkan pendidikan anak mereka walaupun si kecil hanya bakal meraikan hari jadi keempat Januari ini. Justeru, anak sulung mereka, Nur Amanda dihantar ke sekolah ketika berusia tiga tahun lagi.

Berbeza dengan mentaliti sesetengah masyarakat yang menganggap usia dua atau tiga tahun terlalu awal bagi menghantar si kecil ke sekolah, pasangan berkenaan akur dengan minat Amanda untuk ke sekolah sejak petah bercakap.

"Ketika Amanda kecil lagi dia menunjukkan minat untuk bersekolah. Ketika berusia dua tahun dia sering memakai beg dan kasut seolah-olah bersedia untuk dihantar ke sekolah. Mungkin dia rasa sunyi sebab adik dia masih kecil dan kami fikir apa salahnya jika Amanda dihantar ke tabika walaupun dia masih kecil.

"Jadi, ketika berumur tiga tahun kami sekolahkan dia. Kebetulan tabika yang kami hantar itu berhampiran dengan rumah dan berdasarkan pengalaman jiran serta pemerhatian kami sendiri, tabika berkenaan sesuai untuk Amanda," kata Norashikin ketika ditemui di teratak indahanya di Bukit Jelutong, di pinggir Kuala Lumpur, baru baru ini.

Sejak bersekolah, Norashikin akui beliau dan suaminya dapat melihat perbezaan ketara terhadap perkembangan Amanda yang tampak lebih matang dan bijak walaupun baru berusia tiga tahun. Jumlah pelajar yang tidak begitu ramai di tabika berkenaan turut menjadi antara sebab Norashikin mengambil keputusan untuk menghantar Amanda kerana berpendapat tumpuan yang lebih dapat diberikan secara menyeluruh terhadap pelajar.

Malah, beliau berkata, keputusan untuk menyekolahkan Amanda juga diambil bagi memberi peluang kepada si kecil bertemu rakan sebaya supaya pergaulannya tidak terhad hanya di rumah.

Menarik mengenai proses mendidik anaknya, Norashikin dan suami menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama di rumah bagi menyahut saranan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menggalakkan penggunaan bahasa kedua itu generasi muda.

"Kami menggalakkan anak bertutur bahasa Inggeris kerana bahasa ini agak sukar untuk dipelajari berbanding bahasa Melayu kerana mereka boleh mempelajari bahasa Melayu secara tidak langsung sama ada daripada rakan, sanak saudara dan juga pembantu kami.

"Saya dapati pada usia ini, Amanda sudah dapat membezakan antara kedua bahasa berkenaan kerana apabila berbicara dengan saya atau bapanya, dia menggunakan bahasa Inggeris dan apabila bersama pembantu rumah, dia terus menggunakan bahasa Melayu," katanya.

Selain menghantar Amanda ke tabika, Norashikin berkata, beliau dan suaminya juga bercadang untuk mengembangkan kemahiran Amanda dalam bidang tertentu sebagai kegiatan sampingan bergantung kepada minat si kecil. Memandangkan pada masa ini Amanda lebih cenderung dalam muzik, mereka mungkin akan menghantar Amanda ke kelas muzik untuk kanak-kanak.

Mengenai perancangan masa depan anak, kata Kamal, mereka sepakat untuk memberi peluang kepada si kecil memilih masa depan mereka kelak dan hanya akan membantu dengan membimbing mereka supaya pilihan itu menjamin masa depan.

"Memang apabila kita sudah menjadi ibu bapa kita mempunyai perancangan untuk anak. Tetapi mereka masih kecil dan kita akan tengok perkembangan mereka dari masa ke semasa. Jadi, kita akan lihat sama ada apa yang

disukai hari ini mungkin berbeza dua tahun lagi atau sebaliknya.

"Yang penting, kita bantu mereka berkembang secara sihat dan sebagai ibu bapa kita bimbing mereka memilih jalan yang betul," katanya.

Seperti kebanyakan kanak-kanak kecil lain yang begitu manja apabila ibu bapa mereka berada di rumah, Amanda dan adiknya, Adam Salleh, 1 1/2 tahun juga tidak ketinggalan. Malah, mereka lebih menuntut perhatian Kamal yang jarang berada di rumah kerana tuntutan tugas sebagai juruterbang yang memerlukan mereka berada jauh daripada keluarga untuk tempoh tertentu.

Namun, itu tidak bermakna Norashikin dan suaminya tidak tegas terhadap si kecil. Seperti ibu bapa lain, beliau juga ada kalanya memarahi anaknya terutama apabila si kecil melakukan kesalahan.

"Bagi saya ada kalanya kita perlu menunjukkan marah kepada mereka supaya mereka tahu apa yang dilakukan itu salah. Tetapi saya tidak percaya dengan hukuman merotan atau memukul kerana saya berpendapat hukuman sebegitu hanya membuatkan anak membenci dan mungkin berdendam dengan kita.

"Oleh itu, kami banyak menggunakan psikologi seperti memberi penjelasan kepada mereka kenapa sesuatu perkara itu tidak boleh dilakukan. Kami mahu mereka memahami dan bertanggung jawab terhadap setiap perbuatan yang